

19/09/1998

Abdullah kesal hakim berat sebelah

PENGURUS pasukan tinju negara, Abdullah Siok, paling kecewa dengan kekalahan Adnan Yusoh di Stadium Malawati, Shah Alam semalam.

Bagaimanapun, dia tidak menyalahkan peninjunya dalam pertarungan separuh akhir kategori 54kg itu tetapi sekali lagi menuding jari kepada hakim yang mengadili perlawanan berkenaan.

Sambil menahan sebak, dia mendakwa Adnan menjadi mangsa ketidakadilan penghakiman apabila kebanyakan mata yang sepatutnya menjadi milik peninju itu tidak diberikan.

"Saya kecewa kerana Adnan tewas bukan sahaja di gelanggang tetapi juga di luar dengan sikap hakim yang berat sebelah," katanya.

Adnan kecundang 15-16 kepada peninju Tanzania, Michael Yomba Yomba, dalam pertarungan sengit itu yang menyaksikan peninju negara berupaya menyaingi setiap asakan lawan, malah mendahului pada tiga pusingan awal.

Pada mulanya, katanya, dia menjangkakan Sapok Biki yang turun menentang Gary Jones dari England bagi kategori 48kg akan menjadi mangsa ketidakadilan hakim kerana pencabarnya berkulit putih.

Tapi, jangkannya meleset apabila Sapok menang selesa 15-11. Begitupun, dia kecewa apabila Adnan pula yang menjadi mangsa.

"Saya sudah pergi ke banyak negara... Filipina, Indonesia, Thailand, semuanya akan memberikan kemenangan kepada peninju tuan rumah jika kedudukan terikat atau begitu hampir.

"Tapi, di sini, keadaan sebaliknya dan ia begitu mengecewakan," katanya.

Bagaimanapun, Abdullah tetap berpuas hati dengan pencapaian Sapok kerana kemenangan itu membolehkan niatnya termakbul.

Abdullah berniat untuk mengarahkan peninjunya supaya membawa poster Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, ke sekeliling gelanggang jika mereka menang perlawanan separuh akhir masing-masing.

Bagaimanapun, hanya Sapok menunaikan niatnya itu manakala Adnan begitu hampir melakukannya.